Namun demikian, kanak-kanak mempunyai limitasi dari aspek kognitif dan mengekspresikan bahasa emosi (Landreth, 2012; Kottman & Meany-Walen, 2016), hasil dari pengalaman traumatik dilalui mereka (Rosanida Anang, 2012). Kanak-kanak mangsa penderaan akan mengakibatkan berlakunya proses perkembangan yang tidak sihat dan kecelaruan sendiri (Khadijah Alavi & Ann Wan Seng, 2003). Rawatan di peringkat awal kanak-kanak adalah amat penting kerana tanpa intervensi tingkah laku tersebut akan sebatikan dalam diri kanak-kanak tersebut (Meany-Walen, Bratton, & Kottman, 2014).

1.2.1 Terapi bermain

Hampir semua teori bermain menganggap bermain secara biologi berguna untuk memudahkan perkembangan organisma manusia. Bermain juga memberikan kanak-kanak peluang untuk dirawat dengan mekanisme *coping* semasa membesar (Niebergall, 2001). Ini bermaksud bermain ataupun terapi bermain boleh digunakan dengan kanak-kanak yang mempunyai masalah berkaitan dengan kebimbangan dikaitkan dengan krisis atau peristiwa traumatik (Johnson, Christie, & Yawkey, 1998). Terapi bermain merupakan salah satu kaedah rawatan untuk membantu anak usia 3 sampai 12 tahun mengekspresikan fikiran, perasaan, atau emosi mereka dengan lebih baik. Kanak-kanak bermain berdasarkan pengalaman dan perasaan mereka berlaku secara semula jadi dalam sesi. Pendekatan terapi bermain dalam sesi kaunseling memberi ruang menghormati dunia kanak-kanak yang lebih bersifat bersendirian dan tidak memberi tekanan kanak-kanak untuk berinteraksi secara dunia orang dewasa. Menurut (Gladding, 2016), terapi bermain adalah merupakan pendekatan kaunseling kreatif dan berperanan terapeutik bagi membolehkan kaunselor berkomunikasi dengan kanak-kanak secara efisien dan memupuk perhubungan dan membina kepercayaan antara kaunselor dengan kanak-kanak sebagai klien.

Terdapat pelbagai pendekatan terapi bermain yang digunakan, yang merangkumi '*Jungian analytical play therapy*', '*psychoanalytical play therapy*', '*cognitive behavioral play therapy*', '*ecosystemic play therapy*', '*phenomenological play therapy*', dan '*prescriptive play therapy*' (Schaefer, 2003). Kesemua pendekatan ini digunakan dalam kaunseling individu, kaunseling kelompok dan kaunseling keluarga (Lev-Wiesel, 2008; Tourigny, Hébert, Daigneault, & Simoneau, 2005).

Dalam terapi bermain terdapat pelbagai jenis peralatan yang digunakan antaranya ialah 'dollhouse', 'dollhouse furniture' dan 'figurines', 'costume jewelry', 'hand puppets', 'crayons', 'Play-Doh', 'play telephones' dan 'sandplay' (Schaefer, 2003).

Ada dua pendekatan yang digunakan dalam terapi bermain:

- (i) Terapi bermain tidak langsung. Terapi ini berdasarkan pada prinsip bahawa anak-anak bisa menyelesaikan masalah mereka sendiri dengan kebebasan bermain, menggunakan instruksi dan pengawasan terbatas.
- (ii) Terapi bermain langsung. Terapi ini menggunakan lebih banyak penglibatan dari terapis untuk membantu mempercepatkan hasil.

1.2.2 Terapi bermain dulang pasir (StPT)

Bermain pasir merupakan kaedah yang paling kerap digunakan oleh ahli terapi dalam membantu kanak-kanak untuk memahami gaya kehidupan, pemikiran, dan perasaan melalui penggunaan miniatur dalam kotak pasir dan diasaskan oleh Lowenfeld (1935). Terapi bermain pasir juga dikenali dengan pelbagai istilah termasuk 'sandplay', 'sandtray', 'sandworlds' dan dunia dulang pasir. Terapi bermain pasir merupakan terapi ekspresif yang fleksibel, boleh digunakan kepada klien pelbagai usia sama ada secara direktif atau bukan direktif (Sweeney & Homeyer, 2009). Menurut Homeyer dan Sweeney (2005) permainan pasir digunakan untuk membantu klien menangani isu-isu mereka melalui kaedah bukan lisan. Sementara menurut Monakes (2011) terapi bermain pasir dapat memudahkan komunikasi daripada segi bahasa dan ungkapan di luar bawah sedar. Rasional penggunaan terapi bermain pasir membolehkan isu-isu *nonverbalized* dapat dizahirkan. Kaunselor telah menggunakan terapi ini untuk pelbagai tujuan terhadap kanak-kanak, remaja, orang dewasa, keluarga dan kelompok (Sangganjanavanich, 2011).

Kepentingan terapi bermain pasir:

- (i) Membantu meningkatkan keupayaan mental, emosi dan kesihatan.
- (ii) Membantu meningkatkan pertuturan dan komunikasi.
- (iii) Merangsang pemikiran kanak-kanak.
- (iv) Mengurangkan tekanan emosi.
- (v) Membantu meningkatkan kemahiran sosial.
- (vi) Mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.
- (vii) Membantu meningkatkan keupayaan motor halus melalui aktiviti dalam terapi pasir.

Terapi bermain pasir menggunakan bahan-bahan seperti dulang yang berisi pasir sama ada basah atau kering dan beberapa jenis patung miniatur. Dulang pasir dianggap sebagai kanvas di mana klien boleh mewujudkan adegan simbolik, yang menggambarkan aspek kehidupan dalaman dan luaran. Ruang permainan terlindung dapat menyediakan suasana selamat dan kebebasan yang perlu dalam membangunkan pertumbuhan diri (Sweeney & Homeyer, 2009). Dulang pasir diisi dengan pasir. Klien diberi kebebasan memilih patung-patung miniatur untuk diletakkan ke dalam dulang tersebut untuk menghidupkan adegan-adegan dulang pasir. Patung-patung miniatur digunakan sebagai metafora dan secara simbolik mendedahkan kisah atau pengalaman klien. Pasir boleh ditolak jauh dari kawasan di bahagian bawah dulang memberikan gambaran air biru yang boleh dijadikan sungai, tasik atau lautan.

Air boleh digunakan untuk membasahkan pasir supaya ia boleh dibentuk. Patung-patung dan benda-benda kecil disusun di atas rak sedia terbuka. Patung-patung dan benda-benda kecil terdiri daripada haiwan ternakan, haiwan zoo, anak

patung keluarga, tentera, peralatan isi rumah, kenderaan pengangkutan, peralatan seperti pagar, pintu pagar, pokok, bangunan, jambatan serta mainan fantasi termasuk haiwan prasejarah, raksasa dan patung miniatur cerita dongeng. Dalam proses terapi bermain pasir, klien diminta untuk menggunakan patung miniatur untuk menggubah apa sahaja gambaran yang mereka pilih di dalam dulang pasir tersebut. Klien diberitahu gambar akan dirakam apabila aktiviti selesai.

Memandangkan bermain merupakan bahasa dalam kehidupan kanak-kanak ia juga merupakan bahasa dan menyediakan tempat untuk meluahkan emosi untuk kanak-kanak yang sukar untuk berkata-kata. Terapi bermain pasir menyediakan medium yang selamat untuk menyatakan sesuatu. Dalam erti kata lain bermain merupakan bahasa, manakala patung-patung miniatur adalah kata-kata. Menurut Baker dan Gerler (2008) terapi bermain pasir merupakan pendekatan kaunseling yang berkesan untuk menangani pelbagai keperluan kanak-kanak sekolah rendah dan boleh membantu kanak-kanak dalam pertumbuhan dan pembangunan diri mereka (Ray, Armstrong, Warren, & Balkin, 2005). Ciri-ciri terapi pasir membolehkan kanak-kanak berkomunikasi secara bukan verbal semasa berdepan dengan masalah (Homeyer & Sweeney, 2005). Flahive (2005), Flahive dan Ray (2007) dan Shen (2006) telah mendapati terdapat perubahan tingkah laku terhadap pelajar yang mempunyai masalah tingkah laku setelah mengikuti terapi permainan pasir. Manakala kajian oleh Draper, Ritter dan Willingham, (2003) mendapati terapi bermain pasir telah membantu kanak-kanak mengatasi trauma dalam hidup mereka kesan daripada perceraian ibu bapa. Pendekatan terapi bermain pasir telah digunakan secara meluas di negara-negara barat seperti Amerika Syarikat (Draper, Ritter & Willingham, 2003). Terapi bermain pasir ini diterima dan diaplikasikan di klinik-

klinik di beberapa negara (Bradway, 1979). Namun demikian terapi bermain pasir baru mula menampakkan perkembangan di Malaysia dan telah mendapat status sebagai terapi yang mempunyai kekuatan serta merupakan satu kaedah yang berunsur terapeutik (Rusli, 2014).

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Di Malaysia, penderaan kanak-kanak tidak terkecuali dan berterusan berlaku dalam kalangan semua bangsa dan etnik. Secara umumnya dilaporkan kebanyakan kanak-kanak yang terlibat dalam penderaan datang dari bandar-bandar besar seperti, Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang, manakala yang paling kurang di negeri Terengganu, Perlis dan Kelantan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2017). Kebanyakan jenis penderaan yang berlaku di Malaysia ialah, penderaan seksual, diikuti dengan pengabaian dan fizikal. Mangsa penderaan adalah lebih ramai terdiri daripada kanak-kanak perempuan berbanding dengan kanak-kanak lelaki yang berumur antara 7 hingga 14 tahun (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2017). Terdapat 1010 kes penderaan kanak-kanak telah dilaporkan pada bulan April 2010 yang merangkumi penderaan fizikal, emosi, sumbang mahram dan pembuangan anak. Statistik menunjukkan sebanyak 808 kes penderaan kanak-kanak dilakukan oleh ibu bapa, 23 kes adik beradik, 270 kes oleh rakan lelaki ibu, 26 kes dilakukan oleh jiran, 322 kes oleh saudara mara, 231 kes oleh individu yang dikenali dan 110 kes oleh individu yang tidak dikenali (Masyarakat, 2016). Jadual 1.1 menunjukkan terdapat peningkatan kes penderaan di seluruh negara dari tahun 2013 hingga 2017 berdasarkan laporan JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2017). Walaupun terdapat penurunan dan peningkatan jenis penderaan, namun pada keseluruhannya jumlah kes penderaan meningkat dari tahun ke tahun.

Jadual 1.1

Statistik Penderaan Kanak-Kanak Di Malaysia Mengikut Tahun

Jenis Penderaan	2013	2014	2015	2016	2017
Fizikal	1134	1218	1167	1303	1628
Emosi	56	59	72	98	61
Seksual	1093	985	978	1034	1397
Pengabaian	1769	2035	2236	2547	2410
Jumlah	4052	4297	4453	4982	5496

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Apa yang membimbangkan ialah, jumlah ini tidak termasuk kes-kes yang tidak dilaporkan, yang pergi tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa (Child Rights Coalition Malaysia, 2012). Peningkatan kes ini memberi kesan yang negatif terhadap perkembangan psikologi kanak-kanak daripada aspek pemikiran, emosi dan tingkah laku. Kajian telah mendapati kesan negatif seperti agresif, keganasan, mencederakan diri sendiri, masalah emosi, masalah hubungan interpersonal, gangguan makan, kemurungan, keresahan, gangguan tekanan selepas trauma dan persepsi negatif terhadap diri adalah kesan daripada pengalaman penderaan dan pengabaian (Bae, Solomon, & Gelles, 2007; Lev-Wiesel, 2008; Rorty, Yager, & Rossotto, 1994). Di samping itu kajian telah menunjukkan bahawa penderaan kanak-kanak boleh dikaitkan masalah dalaman seperti ‘*withdrawal*’, kebimbangan, kemurungan, manakala masalah luaran dikaitkan dengan kecelaruan tingkah laku, keganasan, dan delinkuen (Boney-McCoy & Finkelhor, 1995).

1.3.1 Konsep sendiri kanak-kanak mangsa penderaan

Peristiwa penderaan yang dialami oleh kanak-kanak memberi kesan terhadap perkembangan seseorang kanak-kanak (Davidson & Omar, 2014). Menurut Rogers (1961) konsep sendiri adalah terhasil daripada pengalaman traumatik dan

tidak mencapai kepuasan dalam hidup seseorang. Finkelhor dan Browne (1988) menjelaskan *sense of powerlessness* yang mengiringi kanak-kanak mengalami penderaan merupakan komponen penting kepada gangguan sendiri mereka. Apa yang dimaksudkan dengan *sense of powerlessness* oleh Finkelhor dan Browne (1988) merujuk kepada proses di mana kehendak keinginan, dan rasa keupayaan sendiri telah menjadi terencat. Menurut Mullen, Martin, Anderson, Romans dan Herbison, (1996) kanak-kanak yang mempunyai sejarah penderaan, boleh dikaitkan dengan peningkatan kadar masalah psikopatologi, termasuk estim sendiri yang rendah. Lopez dan Heffer (1998) dan Kinard (1980) mendapati kanak-kanak yang menghadapi penderaan fizikal mengalami konsep sendiri negatif yang boleh menjejaskan perkembangan secara positif sehingga dewasa (Black, Dubowitz, & Harrington, 1994; Lopez & Heffer, 1998). Kesan daripada konsep sendiri yang negatif adalah malu, permusuhan, kemarahan, kemurungan, yang berpotensi merosakkan perkembangan sendiri kanak-kanak dan orang lain (Wekerle & Wolfe, 1999). Selain itu, konsep sendiri yang negatif sering dikaitkan dengan gangguan *internalizing disorder*, seperti kebimbangan dan *eating disorder* (Rao & Tamta, 2015), bunuh diri (Harter & Monsour, 1992) dan terlibat dengan alkohol (Swaim & Wayman, 2004). Kenyataan di atas dapat menjelaskan kepentingan konsep sendiri dalam membantu perkembangan kanak-kanak terutama yang mengalami penderaan. Sehubungan dengan itu terdapat justifikasi konsep sendiri dipilih untuk kajian ini. Kepentingan konsep sendiri dalam kajian adalah seperti berikut:

- (i) Perkembangan kanak-kanak harus melalui pengalaman yang sejahtera dan menyenangkan. Literatur di atas menunjukkan bahawa konsep diri mempunyai peranan dalam pembangunan kesihatan mental terutama

dalam perlembangan kanak-kanak yang mengalami penderaan.

- (ii) Peristiwa kehidupan negatif seperti penderaan dan kemudiannya akan mempengaruhi konsep diri seseorang dalam bidang sosial dan interpersonal. Konsep sendiri merupakan aspek penting dalam perkembangan kanak-kanak.
- (iii) Konsep sendiri mempunyai hubungan yang signifikan dengan masalah penderaan kanak-kanak (Brayden, Deitrich-MacLean, Dietrich, Sherrod, & Altemeier, 1995; Briere & Elliott, 1994; D. Finkelhor, 1994).

Dapatan-dapatan kajian dilihat mampu memberi implikasi yang positif terhadap pengembangan rawatan terhadap kanak-kanak yang mengalami penderaan. Malah dapatan juga memberi tambahan maklumat dalam usaha menangani masalah kesan daripada penderaan khususnya konsep sendiri rendah. Walau bagaimanapun, banyak usaha dan kajian yang perlu dilaksanakan bagi mengupas input penting khususnya terhadap pendekatan rawatan kesan penderaan dalam pembangunan psikologi. Oleh itu perlu kajian diadakan dalam membantu kanak-kanak yang mengalami penderaan melalui peningkatan konsep sendiri.

1.3.2 Kebimbangan kanak-kanak mangsa penderaan

Kebimbangan tidak terkecuali berlaku terhadap kanak-kanak yang mengalami penderaan. Kanak-kanak yang mempunyai sejarah penderaan mempunyai perkaitan gejala kebimbangan yang tinggi (Simon & Feiring, 2008). Menurut Siverman dan Treffers (2001) gangguan kebimbangan adalah antara masalah kesihatan mental yang menjejaskan antara 20% ketika dalam kehidupan kanak-kanak (Shaffer et al., 1996), seperti kesan disfunksinya emosi yang dikaitkan

kebimbangan (Soenke, Hahn, Tull, & Gratz, 2010), gangguan tekanan selepas trauma dan gangguan kebimbangan sosial (Bishop, Rosenstein, Bakelaar, & Seedat, 2014). Manakala kajian tempatan terhadap kebimbangan telah dilakukan oleh Wong et al., (2016). Kajian semula sistematik ini melibatkan rujukan pangkalan data, senarai rujukan, sumber internet, dan input daripada pakar kandungan mendedahkan terdapat 42 kajian yang berkaitan gejala yang ada hubungan dengan kebimbangan dan 12 kajian ini secara khusus menilai gangguan kebimbangan. Kajian ini memberi gambaran menyeluruh tentang gangguan kebimbangan di Malaysia.

Brand dan Fox (2008) memperincikan kesan akibat tingkah laku maladaptif hasil dari kebimbangan antaranya ialah:

- (i) Menampakkan tingkah laku penarikan atau terlibat dengan fantasi atau tingkah laku seperti keanakan,
- (ii) Sukar untuk berkawan dengan rakan sebaya,
- (iii) Tidak mahu melakukan aktiviti fizikal dan
- (iv) Terlibat dengan tingkah laku delinkuen.

Selain itu kebimbangan dipercayai boleh memberi kesan terhadap jantung, sistem saraf dan menurunkan fungsi imunisasi (Beesdo, Knappe, & Pine, 2009; Hernandez, Loza, Vargas, & Jara, 2011) Inilah sebabnya mengapa kebimbangan perlu dikesan awal dan sewajarnya diberi rawatan yang sebaiknya (Kiliś-Pstrusińska et al., 2013). Sehubungan dengan itu terdapat justifikasi kebimbangan dipilih untuk kajian ini. Kepentingan kebimbangan dalam kajian adalah seperti berikut:

- (i) Kanak-kanak yang telah mengalami penderaan menunjukkan lebih banyak ketakutan posttraumatik seperti kebimbangan (Briere & Elliott, 1994).

- (ii) Pada tahun 2017, berdasarkan tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Negara, didapati bahawa di kalangan remaja berumur 13-17, 18.3 peratus mengalami kemurungan dan 39.7 peratus mengalami kecemasan.
- (iii) Kelaziman gangguan kecemasan tidak difahami di Malaysia. Gangguan kecemasan adalah gangguan kesihatan mental yang biasa dengan impak yang signifikan terhadap individu dan beban di negara ini secara keseluruhan (Wong et al., 2016).

Kajian kebimbangan ini memberi gambaran menyeluruh tentang kelainan gangguan masalah psikologi khususnya terhadap kanak-kanak di Malaysia. Lebih banyak penyelidikan diperlukan untuk membangunkan rawatan yang disahkan untuk kegunaan tempatan dan setanding dengan piawaian antarabangsa (Wong, et al., 2016).

1.3.3 Rawatan

Semua kes penderaan yang dilaporkan adalah di bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk diambil tindakan mengikut Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-kanak Negara (PTPKN) bawah Dasar Perlindungan Kanak-kanak (DPK). Dasar perlindungan tersebut termasuklah perkhidmatan kaunseling di pusat jaga kanak-kanak. Sehubungan dengan itu perkhidmatan kaunseling adalah untuk memberi sokongan bercorak pencegahan dan perlindungan terutama bagi kanak-kanak yang didera oleh keluarga mereka. JKJ telah mengujudkan program-program tersendiri dalam membantu kanak-kanak yang tinggal di rumah kanak-kanak (Portal Jabatan Kebajikan Masyarakat - 2016), yang memberi fokus terhadap pembangunan kerohanian kanak-kanak di samping sesi kaunseling yang dijalankan.

Pendekatan lain seperti rawatan secara khusus belum diberikan penekanan. Salah satu pendekatan yang dikenal pasti berkesan dalam membantu kanak-kanak ialah penggunaan terapi bermain. Terapi bermain telah luas digunakan di Barat semenjak tahun 1990an mengaplikasikan kaedah psikoterapi perkembangan bagi memenuhi keperluan sosio-emosi kanak-kanak (Mariani Mansor & Asnarulkhadi Abu Samah, 2011). Lanjutan dari itu, menurut Mariani Mansor dan Asnarulkhadi Abu Samah (2011) terapi bermain merupakan satu bentuk kaedah terapeutik yang bertujuan untuk membantu kanak-kanak memahami dan menangani sendiri masalah psikososial yang mereka alami. Melalui terapi bermain membolehkan kanak-kanak meluahkan perasaan dan ketidakpuasan melalui bermain (Axline, 1989; Landreth, 2002). Terapi bermain telah berjaya dilaksanakan dalam pelbagai persekitaran seperti, peringkat umur, jantina, populasi dan dalam pelbagai situasi klinikal dan bukan (Bratton, Ray, Rhine, & Jones, 2005) dalam membentuk tingkah laku, personaliti dan penyesuaian sosial kanak-kanak. Pendekatan terapi bermain ini telah lama dilaksanakan di Barat, namun di Malaysia penggunaannya masih terbatas khusus di pusat pemulihan kanak-kanak. Tidak ada kajian-kajian empirikal yang melaporkan keberkesanan terapi bermain terhadap kanak-kanak mangsa penderaan. Oleh itu, usaha perlu dilakukan dalam mempertingkatkan pendekatan rawatan dalam membantu kanak-kanak mangsa penderaan dengan cara yang lebih objektif.

1.4 Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan terapi bermain dulang pasir (StPT) merentas empat masa ujian (UPra, UPos 1 UPos 2 dan UPos 3) terhadap skor konsep sendiri dan kebimbangan kumpulan rawatan terhadap responden lelaki dan perempuan.

Secara terperinci objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Mengkaji kesan terapi bermain dulang pasir (StPT) merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1 UPos 2 dan UPos 3) terhadap skor konsep sendiri kumpulan rawatan bagi responden lelaki dan perempuan.
- (ii) Mengkaji kesan terapi bermain dulang pasir (StPT) merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1 UPos 2 dan UPos 3) terhadap skor konsep sendiri kumpulan rawatan dan kawalan bagi responden lelaki dan perempuan.
- (iii) Mengkaji kesan terapi bermain dulang pasir (StPT) merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1 UPos 2 dan UPos 3) terhadap skor kebimbangan kumpulan rawatan bagi responden lelaki dan perempuan.
- (iv) Mengkaji kesan terapi bermain dulang pasir (StPT) merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1 UPos 2 dan UPos 3) terhadap skor kebimbangan kumpulan rawatan dan kawalan bagi responden lelaki dan perempuan.
- (v) Mengkaji kesan signifikan dapatan kajian kes terapi bermain dulang pasir (StPT) bagi menyokong dapatan kuantitatif.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini dibentuk berdasarkan objektif kajian. Persoalan kajian dibahagikan kepada dua variabel bersandar dan satu kajian kes yang dikaji. Persoalan kajian terdiri daripada 12 persoalan kajian utama, 24 persoalan kajian sekunder dan satu persoalan kajian kualitatif.

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1, UPos 2, & UPos 3) bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1, UPos 2, UPos 3) bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1, UPos 2, & UPos 3) bagi responden lelaki dan perempuan dalam kumpulan rawatan?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1, UPos 2, & UPos) bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan dan kawalan?
 - (i) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pra 1?
 - (ii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 1?
 - (iii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 2?

- (iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 3?
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor Konsep Kendiri merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1, UPos 2, & UPos 3) bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan dan kawalan?
- (i) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pra?
 - (ii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 1?
 - (iii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 2?
 - (iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 3?
6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1, UPos 2, & UPos 3) bagi semua kumpulan rawatan dan kawalan?
- (i) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep bagi kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pra?

- (ii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep bagi kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 1?
 - (iii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep bagi kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 2?
 - (iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep bagi kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 3?
7. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1, UPos 2, & UPos 3) bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan?
8. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1, UPos 2, UPos 3) bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan?
9. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1, UPos 2, & UPos 3) bagi responden lelaki dan perempuan dalam kumpulan rawatan?
10. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1 Upos 2 dan Upos 3) bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan dan kawalan?
- (i) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pra?
 - (ii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 1?

- (iii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 2?
 - (iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 3?
11. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1 Upos 2 dan Upos 3) bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan dan kawalan?
- (i) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pra?
 - (ii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 1?
 - (iii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 2?
 - (iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 3?
12. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1 Upos 2 dan Upos 3) bagi semua responden kumpulan rawatan dan kawalan?

- (i) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan antara kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pra?
 - (ii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan antara kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 1?
 - (iii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan antara kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 2?
 - (iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor kebimbangan antara kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 3?
13. Adakah terdapat kesan signifikan dapatan kajian kes terapi bermain dulang pasir (StPT) bagi menyokong dapatan kuantitatif.

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis dibentuk berdasarkan persoalan kajian dengan dua variabel bersandar iaitu; konsep sendiri dan kebimbangan. Pembahagian hipotesis berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Mengkaji kesan terapi bermain dulang pasir (StPT) terhadap perubahan skor konsep sendiri bagi responden lelaki dan perempuan kumpulan rawatan merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1 Upos 2 dan Upos 3). Hipotesis adalah seperti berikut:

Ho₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1, UPos 2, & UPos 3).

Ho₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1, UPos 2, UPos 3).

- Ho₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden lelaki dan perempuan dalam kumpulan rawatan merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1, UPos 2, & UPos 3).
- (ii) Mengkaji kesan terapi bermain dulang pasir (StPT) terhadap perubahan skor konsep sendiri bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan dan kawalan merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1 Upos 2 dan Upos 3). Hipotesis adalah seperti berikut:
- Ho₄: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pra.
- Ho₅: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 1.
- Ho₆: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 2.
- Ho₇: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden lelaki dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 3.
- (iii) Mengkaji kesan terapi bermain dulang pasir (StPT) terhadap perubahan skor konsep sendiri bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan dan kawalan merentas setiap masa selang ujian (UPra, UPos 1 Upos 2 dan Upos 3). Hipotesis adalah seperti berikut:

- Ho₈: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pra.
- Ho₉: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 1
- Ho₁₀: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 2.
- Ho₁₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep sendiri bagi responden perempuan dalam kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 3.
- (iv) Mengkaji kesan terapi bermain dulang pasir (StPT) terhadap perubahan skor konsep sendiri bagi semua kumpulan rawatan dan kawalan merentas empat masa selang ujian (UPra, UPos 1 Upos 2 dan Upos 3).
Hipotesis adalah seperti berikut:
- Ho₁₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep antara semua kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pra.
- Ho₁₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep antara semua kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 1.
- Ho₁₄: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep antara semua kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 2.
- Ho₁₅: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor konsep antara semua kumpulan rawatan dan kawalan untuk ujian pos 3.